



SIARAN MEDIA

MPWK TURUT MEMPERKASAKAN EKONOMI WANITA

KUALA LUMPUR, 20 NOVEMBER 2014 – Wanita dan usahawan tidak dapat dipisahkan. Hal ini dapat diterjemahkan menerusi kejayaan program Forum Kecemerlangan Keusahawanan Wanita Wilayah Persekutuan yang telah dihadiri seramai 400 orang peserta wanita. Program tersebut merupakan anjuran oleh Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) Wilayah Persekutuan di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur semalam.

Hal ini telah dinyatakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Yang Berhormat Dato' Sri Rohani Abdul Karim ketika merasmikan Forum Kecemerlangan Keusahawanan Wanita Wilayah Persekutuan 2014 semalam.

Menurut Rohani, melalui program ini wanita yang terlibat dalam bidang keusahawanan juga dapat mencari dan merebut peluang yang ada melalui rakan-rakan strategik yang terlibat dalam program ini seperti TEKUN, PNS dan FAMA dalam meningkatkan ekonomi keusahawanan yang diceburi.

“Harapan saya agar penganjuran ini mampu merangsang aktiviti keusahawanan yang menggalakkan dan seterusnya melahirkan usahawan wanita yang berilmu serta berkemampuan untuk bersaing di peringkat tempatan mahupun global”, kata Rohani lagi.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah YBhg. Dato' Norsham Rahin, Timbalan Ketua Setiausaha Operasi , Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; YBhg. Dato' Hajjah Zurainah Musa, Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) Wilayah Persekutuan; YBhg. Datuk Abdul Rahim Hassan, Presiden dan Ketua Eksekutif Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional; En. Noorhafidzi Mohd Arif, Pengarah, Pejabat Pembangunan Wanita Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Disediakan oleh :

19 November 2014

Jabatan Pembangunan Wanita

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat